

Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel *Imam*
*The apostleship principle of insan kamil forming the human capital
in the novel of Iman*

Zaidi bin Ahmad*
*albukhari_71@yahoo.com.my
Azhar Abdul Wahid
azhar@fbk.upsi.edu.my
Abdul Halim Ali
halim.ali@fbk.upsi.edu.my
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Received: 02 April 2020; Accepted: 01 October 2020; Published: 05 October 2020

Cite this article (APA): Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel *Imam*. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 8(2), 16-27. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan novel *Imam* karya Abdullah Hussain sebagai medium untuk mendidik dan membentuk modal insan. Kajian ini dijalankan melalui kajian kepustakaan dengan menganalisis novel *Imam* sebagai sumber utama. Novel *Imam* dianalisis mengikut landasan prinsip kedua Teori *Takmilah*, iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil dengan memberikan fokus kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam novel *Imam* yang dapat membentuk modal insan dan wajar diteladani. Perbincangan dalam kajian ini tertumpu kepada tiga konsep keinsanan, iaitu konsep insan Khalifah, insan Rabbani dan insan Kamil yang dimiliki oleh watak-watak dalam novel *Imam*. Kajian yang dijalankan membuktikan bahawa novel *Imam* mengandungi nilai-nilai murni yang wajar dicontohi. Seajar dengan itu, novel *Imam* perlu diiktiraf dan diangkat sebagai teks kesusasteraan di sekolah kerana amat sesuai dijadikan bahan bacaan yang dapat membantu ke arah pembentukan modal insan.

Kata kunci: peranan, insan Kamil, modal insan, nilai murni

ABSTRACT

This study aims to identify the role of Imam novel Abdullah Hussain's novel as a medium for educating and shaping human capital. This study was conducted through a literature review by analyzing the novel Imam as the main method. The Imam novel is analyzed in conjunction with the second principle of Takmilah Theory, the Principle Mercy as the Kamil Insan, by focusing on the events which must be dealt with and it can shape the development of human capital. The discussion in this study is focusing on three concepts of human nature, namely the concept of the Caliphate, the Rabbani and the Kamil people those are possessed by the characters in the Imam novel. Pure values as well as the rich teaching which the creators emphasize and try to convey through their characters. The character or the community background is very helpful in the formation of pure values in society. Research has shown that the Imam novel contains positive attribute which are benefited for emulation. In addition, the study also proves that the Imam novel is a great masterpiece. In line with this, the novels needs to be taken up and highlighted as a literary text in school to build the core of the nation's identity while establishing a well-rounded human capital.

Keywords: role, Kamil people, human capital, positive attribute

PENGENALAN

Pada dasarnya, kesusasteraan Melayu sama sekali tidak dapat dipisahkan dengan agama Islam. Ini kerana kesusasteraan Melayu menerima pengaruh agama Islam. Menurut Wan Norhasniah Haji Wan Husin (2010) Syariat Islam telah memberi panduan yang jelas kepada manusia sebagai asas dalam pembentukan diri, masyarakat dan kenegaraan sehingga berjaya membangunkan peradaban yang unggul, iaitu peradaban Islam. Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1988) Islam telah memberikan sesuatu yang berharga bagi pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan Melayu di Nusantara. Unsur-unsur Islam telah diresap dan diterapkan secara amat indah di dalam pantun, syair, gurindam, seloka, nazam, hikayat-hikayat dan epik Melayu. Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah memberikan sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan intelektualisme di kalangan orang Melayu. Islam telah memperkenalkan berbagai-bagai disiplin keilmuan kepada orang Melayu (Ismail Hamid: 1987).

Junjungan besar Nabi Muhammad SAW telah diutus oleh Allah SWT untuk membawa risalah terakhir, iaitu agama Islam pada abad ke-7. Islam ialah agama yang memandu dan mengajar serta mengajak manusia tunduk dan patuh kepada Allah, taat kepada ajaran-Nya dan patuh kepada hukum dan peraturan agama-Nya yang dibawa oleh Nabi dan Rasul yang diutus kepada manusia. (Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin, 2017). Nabi Muhammad SAW memiliki adab dan akhlak yang sangat mulia terhadap sesama manusia, terutamanya terhadap umat baginda tanpa membezakan status sosial, warna kulit, golongan mahu pun suku bangsa. Firman Allah SWT (*al-Ahzab: 21*) yang bermaksud;

Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah SAW itu teladan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak menyebut Allah.

(Ahmad Yani Abdul Manaf 2014: 420)

Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, mengajak umat manusia agar berserah diri sepenuhnya kepada Allah SWT serta tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Umat Islam wajib beriman kepada rasul kerana beriman kepada rasul merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Menurut Abdul Hadi Awang (2007) beriman kepada rasul dan nabi adalah wajib. Malah menjadi salah satu Rukun Iman dan *usul ad-din* (asas agama). Sekiranya tidak beriman, muslim menjadi kafir. Firman Allah SWT (*al-Baqarah: 285*) bermaksud, "*Rasul (Muhammad) beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya (al-Quran) daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman.*" (2014: 49).

Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT yang membimbing umat manusia ke jalan yang benar dan diredhai Allah SWT. Menurut Muhammad Zuhaili Saiman (2012) Manusia tidak mungkin mampu mencari hakikat sebenar ketuhanan dan hidayah tanpa ada utusan daripada Allah SWT. Maka dengan sebab itulah, manusia perlu mentaati dan mengikuti Rasulullah. Nabi Muhammad SAW merupakan insan yang patut dicontohi dalam usaha untuk membentuk modal insan yang berkualiti.

PERNYATAAN MASALAH

Kekayaan sumber alam yang dimiliki oleh sesebuah negara tidak menjadi suatu kelebihan kepada negara tersebut sekiranya negara tersebut tidak mempunyai sumber tenaga manusia yang dapat memanfaatkan kekayaan tersebut demi untuk membangun dan menjadikan negara tersebut berjaya. Kecemerlangan sesebuah negara sebenarnya dipengaruhi oleh sumber manusia yang membentuk sebuah kesatuan yang utuh, kukuh dan ampuh. Kehebatan dan kebijaksanaan sumber manusia inilah yang menjadi penjana kepada kecemerlangan organisasi atau sesebuah negara. Menurut Azhar Haji Wahid & Zawawi Jahya (2009) Sumber manusia yang terbaik juga merupakan aset dan harta milik organisasi yang paling mahal dan berharga yang secara realitinya terlalu sukar untuk dipusakai atau dimiliki secara mutlak oleh mana-mana organisasi.

Generasi muda merupakan aset penting kepada sesebuah negara. Generasi muda bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan dan mewarisi kemajuan serta kemakmuran negara. Oleh sebab itu, golongan ini perlu dibentuk agar menjadi rakyat yang dapat memberikan sumbangan ke arah kemajuan dan kemakmuran negara. Menurut Sidek Baba (2010) Remaja adalah aset yang tidak ternilai bagi sesebuah negara, malah kemajuan dan kemunduran sesebuah negara dapat diukur melalui perkembangan generasi remajanya. Namun begitu, dalam era globalisasi atau dunia tanpa sempadan, sesebuah negara tidak mungkin dapat mengelak daripada menerima pengaruh-pengaruh dari luar. Pengaruh-pengaruh dari luar terutamanya yang berbentuk hiburan dapat mempengaruhi dan membentuk sikap serta tingkah laku masyarakat terutamanya golongan muda yang sentiasa mencari perubahan terutamanya dari segi hiburan. Menurut Ismail Abdullah (2009),

Budaya dari Barat pula berjaya mempengaruhi dan meresap masuk ke dalam gaya hidup sosial dan budaya semasa kita. Projek Akademi Fantasia, *Malaysian Idols*, Jom Heboh, drama sitkom dan lain-lain yang berunsur Barat telah menjadi tradisi hiburan dan media keluarga.

(Ismail Abdullah, 2009: 266)

Golongan muda amat mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang masuk ke negara ini melalui pelbagai saluran media massa yang sedia ada. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015) Golongan ini didapati menggunakan saluran internet bukannya untuk tujuan pendidikan, tetapi sebagai sumber bagi memperoleh bahan hiburan yang lebih bebas dengan tanpa kongkongan keluarga. Menurut A. Aziz Deraman (2005) Pengaruh budaya luar bukanlah semua mendatangkan implikasi buruk, tetapi kegagalan masyarakat menyesuaikan dengan tradisi budaya kita menyebabkan budaya popular bertukar menjadi budaya negatif. Budaya popular tersebut walaupun bertujuan untuk memberi hiburan, namun perlakuan yang dipertontonkan itu bertentangan dengan nilai-nilai Timur serta mampu memberi implikasi terhadap perlakuan generasi muda yang merupakan modal insan yang sangat penting kepada kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Selain pengaruh dari media sosial, bahan bacaan juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam pembentukan sikap dan tingkah laku remaja. Kini remaja terlalu banyak disogokkan dengan hasil kesusasteraan popular terutamanya novel popular. Menurut Talib Samad (2013) kepengarangan pengarang novel popular lebih terarah untuk memenuhi keperluan citarasa penerbit yang menekankan aspek keuntungan material, hiburan dan kepuasan jiwa pembaca. Penekanan tentang nilai-nilai murni kurang diberikan perhatian.

Dalam konteks negara Malaysia, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seterusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelegnya. Hal ini hanya bisa terjadi dan terlaksana kiranya ia dapat menghayati serta mengamalkan pendidikan sepanjang hayat dengan berteraskan sistem nilai yang mutlak kepatuhan kepada Tuhan (Azhar Haji Wahid & Zawawi Jahya, 2009).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk membuktikan bahawa watak dan perwatakan watak utama dalam novel *Imam* memiliki ciri-ciri insan Khalifah, insan Rabbani dan insan Kamil seperti yang digariskan dalam prinsip kedua Teori Takmilah, iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil. Kajian ini akan menghuraikan peristiwa-peristiwa dalam novel *Imam* yang memaparkan nilai-nilai murni dan mempunyai unsur didaktik yang dapat dicontohi dalam usaha untuk membentuk modal insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian kepustakaan ini melibatkan proses pencarian maklumat daripada sumber yang dipilih. Sumber utama kajian ini ialah novel *Imam*

(1995) karya Abdullah Hussain yang memenangi hadiah pertama Hadiah Novel Nasional Utusan Melayu-Public Bank 1992/94 sempena mengenang Allahyarham Pak Sako. Novel *Imam* (1995) dipilih sebagai sumber utama kajian ini adalah kerana novel ini memaparkan keperibadian murni tokoh agama yang memperlihatkan konsep khalifah. Novel ini mengetengahkan watak seorang imam yang merupakan pemimpin yang mempunyai ilmu dan jati diri pemimpin agama yang diperlihatkan dari pelbagai aspek, sudut dan juga perspektif. Kaedah menganalisis teks pula melibatkan bacaan kritis dan penilaian terhadap peristiwa-peristiwa dalam novel yang melibatkan watak utama novel. Novel ini diteliti secara intrinsik bagi mengesan serta meneliti unsur-unsur yang bersifat mendidik, memberi pengajaran, berunsur didaktik serta dapat membantu dalam pembentukan modal insan.

Dalam kajian ini, prinsip kedua Teori *Takmilah*, iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil telah dipilih untuk meneliti konsep keinsanan, iaitu konsep insan Khalifah, insan Rabbani dan insan Kamil yang terdapat pada watak utama dalam novel *Imam* yang dapat membantu pembentukan modal insan. Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil dipilih kerana prinsip ini memberi tumpuan yang khusus terhadap keperibadian Nabi Muhammad SAW yang wajar dicontohi. Menurut Kamariah Kamarudin (2011),

Berdasarkan kedudukan Nabi SAW sebagai pemimpin, digambarkan keperibadiannya yang dapat membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan keharmonian melalui pernyataan fikirannya yang bijak menyelesaikan segala permasalahan.

(Kamariah Kamarudin, 2011: 262)

Teori *Takmilah* adalah hasil janaan Shafie Abu Bakar. Menurut Abdul Halim Ali (2006) Teori *Takmilah* diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini dianggap satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid. Kemunculan teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para sarjana dan pengkritik untuk melakukan kajian, analisis, ulasan dan kritikan berasaskan prinsip-prinsip keislaman. Menurut Siti Faridah Leong bt. Abdullah & Bazrul bin Bahaman (2017) Teori ini berdasarkan sifat ketuhanan yang *Uluhiyah* dan *Rubuhiyyah*. Teori ini boleh digunakan untuk mengesan nilai keislaman dalam semua karya sastera. Menurut Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin (2017), Dari segi falsafah Islam, Teori *Takmilah* mempunyai pertalian dengan tauhid kerana kesemua prinsip di dalam teori ini menggariskan hubungan manusia dengan Allah (*Halb min Allah*) yang bersifat *vertical* dan hubungan manusia dengan alam (*Halb min al-Nas*) yang bersifat *Horizontal*. Menurut Shafie Abu Bakar (1995);

Teori Takmilah dalam sastera melihat sastera bukan sebagai satu kegiatan yang terasing dan terpisah, tetapi sebagai bunga-bunga yang berkembang subur daripada pokok yang mempunyai akar keyakinan dan kehidupan budaya dan agamanya. Puncaknya menanjak ke langit dan Illahi.

(Shafie Abu Bakar 1995)

Teori *Takmilah* bersifat holistik yang memperlihatkan hubungan antara manusia dengan ketuhanan, kenabian dan keilmuan. Menurut Kamariah Kamarudin (2011) secara umumnya Teori *Takmilah* bersifat holistik yang melibatkan hubungan manusia, iaitu pengkarya dan khalayak menerusi karyanya dengan ketuhanan, kenabian dan keilmuan. Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil merujuk sepenuhnya kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Menurut Shafie Abu Bakar (1995),

Pada puncak pertama – menunjukkan antara sifat-sifat sempurna Allah yang di dalam konteks seni sastera adalah berkait dengan ‘Jamal’ di samping sifat-sifat yang lain seperti Qahhar dan Jalal, manakala puncak kedua ‘Kamil’ yang memperlihatkan Rasulullah sebagai insan kamil – yang mana baginda juga mempunyai ciri insan Rabbani dan insan Khalifah. Baginda adalah menjadi insan contoh teladan. Semua umat digesa memperbaiki diri dengan ciri insan khalifah dan insan rabbani ke arah insan kamil. (Shafie Abu Bakar, 1995)

Menurut Maniyamin bin Haji Ibrahim (2005) prinsip ini mengambil contoh Rasulullah SAW sebagai model insan al-Kamil kerana jiwanya yang paling dekat dengan Allah SWT. Menurut Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin (2017) Menerusi falsafah pemikiran Islam, terdapat tiga konsep ideal keinsanan, iaitu insan Khalifah yang merujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah. Kedua ialah insan Rabbani yang merujuk kepada pengabdian diri dan rohani manusia kepada Allah SWT dengan khushyuk. Manakala, insan Kamil pula merujuk kepada gabungan antara insan Khalifah dan insan Rabbani kerana insan Kamil berupaya menampilkan akhlak yang murni dan merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi. Menurut Samsina Haji Abdul Rahman (2001) Ketiga-tiga konsep ini terbukti dalam sejarah Islam dimiliki oleh baginda Rasulullah SAW sehingga baginda mendapat gelaran *al-Amin* (yang jujur dan yang benar), *al-Mustaffa* (yang terpilih) dan *habibullah* (kekasih Allah SWT). Maniyamin Haji Ibrahim (2005) menyatakan,

Gabungan insan Khalifah dengan insan Rabbani akan membentuk insan Kamil yang bertakmilah, sebagaimana tercermin pada diri Rasulullah SAW. Dalam hal ini, sastera sebagai santapan jiwa manusia berupaya mendukung amanah Allah SWT membentuk insan Khalifah dan insan Rabbani yang lebih ahsan sebagaimana yang ditegaskan oleh Shafie Abu Bakar.

(Maniyamin Haji Ibrahim, 2005: 30)

Khalifah dalam al-Quran merujuk seseorang insan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengatur kehidupan insan di muka bumi dengan berdasarkan wahyu dan syariat Allah (Lenny Luat, 2015). Insan Khalifah ialah penelitian terhadap kepimpinan manusia sebagai manusia yang bertanggungjawab menguruskan amanahnya sebagai manusia. Dengan kata lain, insan Khalifah memperlihatkan kesemua manusia di atas muka bumi ini perlu menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan terhadap mereka untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai Yang Maha Pencipta (Kamariah Kamarudin, 2011). Insan Khalifah merupakan golongan manusia yang harus melaksanakan segala peraturan-Nya demi memakmurkan kehidupan di atas muka bumi ini. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015) Khalifah ialah satu peranan yang diberikan kepada manusia berdasarkan kepada amanah yang diterimanya daripada Allah SWT. Antara elemen utama amanah termasuklah tugas dan tanggungjawab manusia untuk memakmurkan bumi dengan baik dan mengikut ketetapan Allah SWT berdasarkan unsur akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.

Insan Rabbani membawa maksud manusia cemerlang, iaitu mengutamakan kehidupan yang bersumberkan ajaran Illahi; melalui fikrah keimanan secara am dan tauhid secara khasnya telah menjadi sehati dan bersatu padu dengan peradaban Islam (Kamariah Kamarudin, 2011). Dalam pandangan Islam, insan Rabbani menjurus kepada kemampuan manusia mempamerkan keperibadian yang murni bertujuan untuk memimpin masyarakat berdasarkan pengabdian yang tulus terhadap Allah SWT. Menurut Kamariah Kamarudin (2011) insan Rabbani memperlihatkan tahap manusia cemerlang yang menuju ke arah menjadi manusia sempurna, iaitu *al-insan al-Kamil*.

Insan Kamil dalam Islam merupakan manusia sempurna atau manusia lengkap yang dijadikan oleh Allah SWT bagi menguruskan sebuah kehidupan berdasarkan ketaatannya yang utuh kepada Yang Maha Pencipta (Kamariah Kamarudin, 2011). Insan Kamil merupakan kemuncak kepada kejadian manusia di muka bumi ini yang mengabdikan diri sepenuhnya kepada Allah SWT. Menurut Kamariah Kamarudin lagi, tahap insan Kamil ini hanya dicapai oleh para Nabi dan Rasul. Golongan ini merupakan manusia yang telah diangkat tarafnya oleh Allah SWT sebagai manusia sempurna berdasarkan proses peribadatan melalui keimanan dan ketakwaan mereka yang tinggi terhadap-Nya. Sehubungan dengan itu, dalam konteks Teori *Takmilah*, insan Kamil ialah usaha untuk mengangkat keimanan dan ketakwaan manusia yang memegang amanah sebagai insan Khalifah dan insan Rabbani ke arah menjadi insan Kamil.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Insan Kamil merupakan manusia yang diangkat martabatnya serta dimuliakan oleh Allah SWT sebagai manusia sempurna. Kesempurnaan itu diukur melalui kepatuhan dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi terhadap Allah SWT dan dengan keyakinan sepenuhnya bahawa tidak ada sesuatu makhluk lain yang lebih berkuasa daripada Allah SWT. Untuk diiktiraf sebagai insan Kamil, seseorang itu perlu terlebih dahulu memenuhi kriteria sebagai insan Khalifah dan insan Rabbani seperti terkandung dalam prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Menurut Shafie Abu Bakar (1996) Pada diri Rasulullah terhimpun segala keindahan pribadi dan kejadian diri yang terhimpun padanya unsur insan Khalifah dan insan Rabbani yang terumus sebagai insan Kamil. Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015) Antara ciri insan yang Kamil termasuklah sentiasa tenang, tenteram dan berasa dekat dengan Allah SWT. Selain itu, seseorang insan perlu sentiasa berusaha untuk mencegah dirinya agar tidak terjatuh dan terperangkap dengan godaan hawa nafsu syaitan.

Insan Khalifah

Pembentukan khalifah dalam masyarakat Islam merupakan kepimpinan yang bertunjang daripada asas yang kukuh, iaitu melalui kepercayaan dan keyakinan (akidah) dan hubungan manusia dengan Allah, dan hubungan manusia sesama manusia (ibadah) yang dilaksanakan oleh golongan Muslim tanpa mengira status dan warna kulit (Kamariah Kamarudin, 2011). Menurut Abang Mohd. Razif Abang Muis (2015),

Khalifah ialah satu peranan yang diberikan kepada manusia berdasarkan kepada amanah yang diterimanya daripada Allah SWT. Antara elemen utama amanah termasuklah tugas dan tanggungjawab manusia untuk memakmurkan bumi dengan baik dan mengikut ketetapan Allah berdasarkan unsur akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.

(Abang Mohd. Razif Abang Muis, 2015: 74)

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap novel *Imam*, didapati banyak konsep insan Khalifah yang ditampilkan oleh pengkarya sesuai dengan ciri karya yang berunsur Islam. Watak utama novel ini ialah watak Haji Mihad. Watak Haji Mihad merupakan seorang pemimpin agama yang juga merangkap sebagai pemimpin masyarakat. Haji Mihad digambarkan sebagai seorang yang mempunyai ilmu agama yang tinggi dan mantap berdasarkan pendidikan yang diperolehi oleh beliau secara formal. Beliau telah mendapat pendidikan agama di Sekolah Attarbiyah Addiniyah. Kemudian beliau belajar di Darul Ulum di Mekah sebelum meneruskan pengajiannya di Pasentren Tebuireng, Jombang, di Jawa Timur dan Aceh, Indonesia. Selain itu, Haji Mihad juga mempunyai pengalaman sebagai guru agama di Pasentren Tebuireng, Jombang Jawa Timur dan sebagai guru agama di *Modern Islamic School*, Langsa, Aceh.

Justeru, bagi mengukuhkan konsep insan khalifah, maka daya kepimpinan dan ketinggian ilmu agama yang dimiliki oleh watak Haji Mihad diperlihatkan dengan jelas sekali. Berdasarkan daya kepimpinan dan ketinggian ilmu agama serta gaya perhubungannya dengan masyarakat di Kampung Anggerik Desa dan masyarakat disekitarnya telah menyebabkan jumlah jemaah yang menunaikan solat Jumaat di Masjid Haji Salih semakin bertambah dari semasa ke semasa sehingga memenuhi ruangan masjid. Ada antara jemaah yang terpaksa duduk di luar masjid kerana ruang bahagian dalam masjid telah penuh dengan jemaah yang datang lebih awal. Berbeza sekali dengan keadaan semasa Haji Mihad belum pulang ke Anggerik Desa dan menjadi imam Masjid Haji Salih. Pada masa itu, jumlah jemaah kurang dari 40 orang. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut;

Sekarang ini jemaah di masjid itu semakin bertambah ramai kelihatannya. Pada masa dia mula-mula menjadi imam dahulu, hendak genap empat puluh orang pun agak susah, terpaksa tunggu kadang-kadang sampai setengah jam. Selalu sahaja diikuti dengan solat zuhur sesudah solat Jumaat kerana tidak pernah cukup korum. Sekarang masjid ini sudah terasa kecil pula, ada muka-muka baru yang bukan berasal dari kariah ini datang bersolat Jumaat. (Abdullah Hussain, 1995: 25)

Novel *Imam* juga memaparkan penampilan dan kepimpinan watak Haji Mihad sebagai seorang yang sentiasa positif dalam mengendalikan masalah atau kepincangan yang berlaku dalam masyarakat setempat. Dengan kedudukannya sebagai seorang imam yang dipandang tinggi oleh masyarakat, Haji Mihad menampilkan konsep insan Khalifah dengan nilai fikrah serta usrah yang berkesan dalam usaha beliau membawa masyarakat ke jalan yang diredhai Allah SWT. Beliau berusaha untuk mendidik masyarakat agar sentiasa mensyukuri nikmat yang Allah SWT kurniakan. Beliau menggunakan kepintaran akal fikirannya untuk mengingatkan masyarakat supaya mempraktikkan hukum-hakam Allah SWT dalam kehidupan seharian agar masyarakat dapat hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera. Justeru, petikan di bawah dengan jelas menunjukkan keutuhan watak Haji Mihad sebagai pemimpin dalam masyarakat dan sekali gus menampilkan sifat insan khalifah dengan nilai fikrah dan usrah;

Mereka mesti dibawa kembali melihat jalan yang benar, mereka mesti diperkenalkan kembali kepada diri sendiri sebagai makhluk yang hidup menumpang di dalam dunia Allah ini hanya untuk satu waktu yang singkat. Mereka mesti diperingatkan lagi, seperti dia memperingatkan dirinya akan peringatan Allah di dalam al-Quran tentang umat yang telah musnah kerana melakukan bencana di muka bumi.

(Abdullah Hussain, 1995: 31)

Watak Haji Mihad juga digambarkan sebagai seorang yang berfikiran matang serta bijak menyelesaikan masalah golongan muda yang amat gemar akan hiburan yang boleh melalaikan mereka. Dengan berbekalkan ilmu agama yang dimilikinya, Haji Mihad telah menasihati serta menjelaskan tentang hukum-hakam bermain alat muzik kepada golongan anak muda. Penerangan yang disampaikan oleh Haji Mihad dapat diterima dengan baik oleh golongan anak muda tersebut tanpa menimbulkan kemarahan golongan tersebut. Malah dengan teknik usrah yang digunakan oleh Haji Mihad, golongan anak muda tersebut telah berubah sikap dan semakin mendekati diri mereka dengan institusi masjid. Selain itu, Haji Mihad juga berjaya meyakinkan golongan anak muda tersebut agar menjadikan dunia hiburan sebagai salah satu cara untuk berdakwah. Situasi ini memperlihatkan konsep insan Khalifah dengan nilai fikrah dan usrah melalui hujahan dan penjelasan beliau tentang isu hiburan dan implikasinya terhadap masyarakat;

“Bagaimana kalau Syawal jadikan muzik itu alat dakwah?” ujar Haji Mihad setelah Syawal lama tidak menjawab.

“Alat dakwah bagaimana, pak imam?”

“Seperti memainkan lagu-lagu nasyid, sajak-sajak dan pantun-pantun yang berunsurkan agama tidaklah terlalu sangat macam propaganda, dijadikan lagu muzik. Saya fikir Syawal boleh mengubahnya menjadi lagu yang baik.”

(Abdullah Hussain, 1995: 565)

Pengkarya juga berjaya memperlihatkan kematangan fikiran yang dimiliki oleh watak Haji Mihad dalam usahanya menangani permasalahan ahli kariah Masjid_Haji Salih. Setiap permasalahan yang timbul akan ditanganinya dengan cara yang lembut dan berhemah namun meninggalkan kesan yang mendalam kepada ahli kariah. Sikap tenang dan sentiasa positif dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul seperti yang ditunjukkan oleh watak Haji Mihad menyebabkan beliau sering dijadikan sebagai pakar rujuk sekiranya timbul sebarang permasalahan dalam masyarakat. Dengan menggunakan pendekatan fikrah dan usrah, beliau telah berjaya mendidik dan dalam masa yang sama juga dapat memberi kefahaman yang jelas terhadap permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Ini dibuktikan melalui petikan berikut;

“Sebelum menghadapi Allah Yang Maha Agung anggota-anggota ini mesti bersih. Anggota-anggota yang selalu terdedah. Muka kita yang pertama kita tunjukkan kepada orang, kita bersihkan. Tangan yang selalu kita gunakan untuk

pegang bermacam-macam benda yang kotor atau najis kita bersihkan. Mesti dicuci. Kemudian mulut. Mulut kita selalu berbau kerana makan dan minum atau kerana tidak makan, kerana selalu bercakap biasanya sedikit yang baik, banyak yang tidak baik. Cuci dan berkumur-kumur. Pada waktu itu juga sunat dimasukkan air ke dalam lubang hidung. Bersihkan dari segala habuk dan segala bau yang kita cium melaluinya. Kemudian lengan kita ini, yang selalu terbuka sampai ke siku. Kepala. Kerana kebanyakan orang tidak menutup kepalanya.”

(Abdullah Hussain, 1995: 66)

Watak Haji Mihad juga digambarkan sebagai seorang yang bijak menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan muamalat. Dengan pendekatan usrah yang digunakan oleh Haji Mihad, beliau berjaya memberi kesedaran dan harapan baharu kepada masyarakat di Anggerik Desa agar terus mengusahakan tanah sawah dan kebun getah mereka walaupun hasil yang diperolehi kurang memuaskan kerana masalah kekurangan air akibat kemarau. Untuk tujuan itu, Haji Mihad telah memulakan langkahnya dengan menunjukkan contoh kepada masyarakat di Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad turun ke kebun getahnya, membersihkan kebun getah tersebut dan seterusnya mula menoreh walaupun agak kekok kerana sudah lama tidak menoreh. Ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut;

Haji Mihad mengajak orang kampung berusaha dengan menunjukkan contoh bahawa dia sendiri setiap pagi turun ke kebun getahnya dan membersihkan kebun itu, kemusian menoreh sedikit-sedikit walaupun kekok kerana sudah lama tidak pernah memegang pisau getah tetapi lambat-laun kebiasaan yang sudah lama terpendam itu akhirnya kembali menjadi biasa.

(Abdullah Hussain, 1995: 559-560)

Secara keseluruhannya, watak Haji Mihad telah digambarkan sebagai seorang insan Khalifah. Beliau merupakan seorang manusia cemerlang yang mengutamakan kehidupan yang bersumberkan ajaran Allah SWT. Insan Khalifah sentiasa berusaha untuk memberikan sumbangan ke arah peningkatan tahap keimanan diri, keluarga dan masyarakat. Mereka juga memiliki pemikiran yang positif, cekal menghadapi pelbagai permasalahan yang wujud dalam masyarakat, memiliki daya kepimpinan yang tinggi dalam usaha mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera tanpa membelakangkan perintah Allah SWT. Sikap yang positif ini dapat membantu ke arah pembentukan modal insan yang sempurna.

Insan Rabbani

Insan Rabbani merupakan insan yang jiwanya dekat dengan Allah SWT. Dalam pandangan Islam, insan Rabbani menjurus kepada kemampuan manusia di atas muka bumi ini mempamerkan keperibadian murni bagi memimpin sesebuah masyarakat berdasarkan pengabdianya (*ubudiyah*) yang tulus dan luhur terhadap Allah SWT (Kamariah Kamarudin, 2011). Dalam novel *Imam*, watak utamanya, iaitu Haji Mihad digambarkan sebagai seorang imam yang sangat luas ilmu agamanya. Selain itu, terdapat juga watak-watak sampingan yang turut memiliki sifat insan Rabbani yang bertindak sebagai manusia cemerlang yang berusaha untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat yang digambarkan telah mula dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang datang bersama arus kemodenan.

Watak Haji Mihad yang merupakan seorang imam telah digambarkan sebagai seorang yang sentiasa tenang, berfikiran positif dalam menangani urusan keagamaan dan pergolakan yang berlaku dalam masyarakat. Beliau sanggup mengorbankan masanya untuk mengajar masyarakat kampung dalam urusan keagamaan. Ini memperlihatkan pegangan agama Haji Mihad yang mantap dalam menyalurkan pemikirannya untuk mendidik masyarakat menghayati ajaran agama. Beliau digambarkan sanggup mengorbankan masa senggangnya untuk membimbing dua orang ahli kariahnya yang akan menunaikan ibadah haji walaupun mereka berdua telah mengikuti kursus-kursus

yang dianjurkan. Ini kerana mereka berdua merupakan saudara baru dan dilihat begitu gigih untuk berubah dan mencari keredhaan Allah SWT.;

“Datanglah,” kata Haji Mihad. “Kalau boleh Sufi datang bersama-sama Tuan Burtons. Dia juga mau belajar.”

“Tuan Burtons juga mau pergi haji?” tanya Mohidin cepat.

“Begitulah cadangannya. Dia minta seorang untuk jadi pemimpin di Tanah Suci nanti.”

(Abdullah Hussain, 2011: 52)

Daya kepimpinan Haji Mihad sebagai insan Rabbani juga dapat dilihat melalui usaha dan tindakannya yang berusaha untuk menghidupkan serta memakmurkan institusi masjid. Ini dapat dilihat melalui tindakannya membentuk dan menambah bilangan ahli jawatankuasa masjid bagi tujuan untuk melancarkan lagi perjalanan pentadbiran masjid di samping mengatur pelbagai aktiviti bagi memakmurkan masjid. Beliau juga berusaha untuk membimbing masyarakat kampung mendalami ilmu agama dengan amalan solat berjemaah dan lain-lain lagi. Daya kepimpinan yang ditunjukkan oleh watak Haji Mihad membuktikan bahawa beliau telah mencapai tahap insan Rabbani;

Bagi tujuan itulah katanya, Masjid Haji Salih perlu ada satu badan pentadbir yang tetap selain imam, khatib, bilal dan siak. Perlu ada satu jawatankuasa pentadbir dan seksi-seksi kecil yang mengatur segala macam kegiatan memakmurkan masjid. Masjid mesti menjadi tempat tumpuan kita setiap hari dan tempat yang boleh menimbulkan rasa bangga sebagai orang Islam sebab itulah kita mesti menjaga dan merawatnya dengan bersungguh-sungguh.

(Abdullah Hussain, 1995: 547)

Sumbangan watak Haji Mihad terhadap kemajuan masyarakat kampung terutama untuk mendekatkan golongan muda dengan institusi masjid telah menyerlahkan lagi penampilan beliau sebagai seorang pemimpin yang mempunyai visi serta berpandangan jauh. Watak Haji Mihad berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni walaupun masyarakat di situ berlainan kepercayaan. Tindakan Haji Mihad membina gelanggang sukan di masjid untuk kegunaan anak-anak muda setempat telah berjaya menarik golongan muda untuk menghabiskan masa lapang mereka di kampung. Tidak seperti sebelum ini, mereka sering ke bandar untuk menghabiskan masa bersama rakan-rakan yang lain. Tindakan Haji Mihad membuka gelanggang di kawasan masjid telah berjaya menarik golongan muda untuk sama-sama menunaikan solat secara berjemaah setiap kali masuk waktu solat Asar. Sikap ini membuktikan bahawa beliau memiliki sikap sebagai insan Rabbani dengan menarik golongan muda untuk menunaikan solat secara berjemaah di masjid;

“Saya mahu mengajak anak-anak muda itu berjinak-jinak dengan masjid. Pada waktu azan mereka berada di sekitar masjid. Mahu tidak mahu, suatu hari nanti mereka akan ikut bersolat juga. Mungkin pada mulanya liat sedikit tetapi lama kelamaan jadi kebiasaan. Alhamdulillah-Lah, sekarang ini kalau datuk dapat melihatnya, datuk tentu akan membenarkan kata-kata saya ini,” kata Haji Mihad lagi.

(Abdullah Hussain, 1995: 345)

Watak Haji Mihad juga digambarkan amat bertanggungjawab untuk memakmurkan masjid melalui majlis agama yang dianjurkan di masjid. Bertepatan dengan kedudukannya sebagai seorang imam, Haji Mihad menganjurkan kuliah subuh di masjid. Tindakan beliau telah melancarkan lagi niat dan cita-citanya untuk membimbing masyarakat ke arah penghayatan nilai-nilai Islam serta

pelaksanaan kehidupan masyarakat di Kampung Anggeri Desa menurut Islam. Ini telah memantapkan lagi ciri-ciri kekhalifahan beliau untuk mencapai tahap insan Rabbani.

“Abang tidak boleh menegah kau ke masjid, tetapi untuk muslihat lebih baik kau tak usah pergi dulu. Duduk di sini saja untuk sementara waktu, nanti sesudah kuliah subuh abang balik.”

(Abdullah Hussain, 1995: 598)

Sebagai watak yang memiliki sikap sebagai insan Rabbani, Haji Mihad juga berjuang untuk mempertingkatkan syiar Islam melalui amalan mendidik masyarakat. Beliau mahu memberikan kesedaran dan kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang peri pentingnya menuntut ilmu dalam kehidupan. Beliau mahu menyedarkan masyarakat, bahawa dengan ilmu agamalah makhluk dapat mengenali hakikat kejadian, mengenali diri dan ke manakah akhirnya perjalanan hidup makhluk Allah SWT di muka bumi. Haji Mihad ingin memberi kesedaran tentang kehidupan selepas mati agar masyarakat tidak terus leka. Untuk tujuan tersebut, beliau sering mengingatkan masyarakat melalui khutbah Jumaat yang disampaikannya pada setiap waktu. Melalui pendekatan fikrah dan usrah ini, beliau telah berjaya membawa mengubah sikap dan cara hidup masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut;

Dia mahu memberitahu mereka tentang kegunaan menuntut ilmu dan bekerja kuat. Dengan ilmu kita dapat mengenali diri, kita ini siapa dan mahu pergi ke mana sesudah ini. Dia mahu cuba memujuk mereka kembali mengenali diri dan melihat kepentingan diri sendiri secara wajar. Dia mahu tarik mereka. Dengan bekerja kuat kita dapat mengecapi nikmat syurga Allah yang mengalir sungai di dalam taman-Nya. Dengan kejahilan dan kemalasan kita akan merasa seksaan neraka jahanam yang memang benar adanya, batu dan manusia akan menjadi kayu pembakarnya. Begitulah bentuk khutbahnya kepada jemaah masjidnya sejak dia membuat sendiri teks itu.

(Abdullah Hussain, 1995: 33)

Secara keseluruhannya, insan Rabbani merupakan manusia cemerlang dan memberikan sumbangan yang besar dalam usaha untuk memartabatkan kedudukan Islam dalam masyarakat. Pencapaian insan Rabbani diperolehi melalui kesungguhan yang ditunjukkan oleh golongan yang mempunyai keimanan dan ketakwaan yang tinggi terhadap Allah SWT. Sumbangan insan Rabbani amat bermakna demi memastikan ajaran Islam terus hidup subur serta diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat. Pengkarya telah berjaya menggarap dan mengutarakan konsep insan Rabbani dalam karya dengan berkesan. Ini amat bertepatan dengan dengan konsep Teori *Takmilah* yang menuntut penghasilan karya-karya yang berunsur Islam yang mempamerkan mesej murni kepada khalayak agar dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan cemerlang dan menurut landasan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sifat-sifat watak yang dipamerkan dan mesej-mesej murni yang terkandung dalam novel ini dapat membantu ke arah pembentukan modal insan yang seimbang.

Insan Kamil

Insan Kamil adalah insan yang sentiasa mendekati diri dengan amalan-amalan kebaikan. Insan Kamil hanya meletakkan ibadatnya serta segala bentuk perlakuan serta perbuatan demi Allah semata-mata (Sakinah Salleh, 2011). Insan Kamil merupakan manusia sempurna yang dijadikan Allah SWT. Gabungan insan Khalifah dengan insan Rabbani akan membentuk insan Kamil yang bertakmilah, sebagai mana tercermin pada diri Rasulullah SAW (Maniyamin Haji Ibrahim, 2005). Justeru, seseorang yang diangkat dan diiktiraf sebagai seorang insan Kamil mestilah terlebih dahulu memiliki ciri-ciri sebagai seorang insan Khalifah dan insan Rabbani. Jelas di sini, bahawa hanya para rasul dan para nabi sahaja yang mampu dan layak diiktiraf sebagai insan Kamil. Ini kerana para nabi dan rasul

merupakan golongan mulia yang terpilih dan diangkat taraf mereka oleh Allah SWT sebagai manusia sempurna berdasarkan tahap keimanan dan ketakwaan mereka yang tinggi terhadap Allah SWT.

Menurut Kamariah Kamarudin (2011) “Insan Khalifah” dan “Insan Rabbani” sebenarnya berupaya menjadi “Insan Kamil” dengan syarat melalui proses pengabdian yang setulusnya kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, dalam hal ini Nabi Muhammad SAW merupakan manusia contoh teladan (*al-uswah hasanah*) sebagai insan Kamil kepada manusia lain di muka bumi ini berdasarkan keperibadian, akhlak dan keistimewaan baginda. Firman Allah SWT (*al-Qalam: 2-4*) yang bermaksud,

Dengan kurniaan Tuhanmu, engkau (Muhammad) bukanlah orang yang gila. Dan engkau pasti mendapat pahala yang besar yang tidak akan putus. Dan sesungguhnya engkau memiliki akhlak yang mulia.”

(Ahmad Yani Abdul Manaf 2014: 564)

Berdasarkan penelitian terhadap novel *Imam*, didapati tiada watak insan Kamil yang ditonjolkan oleh pengkarya. Watak utama yang ditonjolkan dalam novel ini merupakan manusia biasa yang mempunyai kelebihan dari segi daya kepimpinan, berfikiran positif, berwawasan serta memiliki ilmu agama yang tinggi serta menjalankan tanggungjawab mereka untuk melaksanakan peraturan Islam dengan tujuan untuk memakmurkan kehidupan serta membentuk keharmonian dalam masyarakat.

KESIMPULAN

Prinsip kerasulan sebagai insan Kamil telah diterapkan dengan baik oleh pengkarya dalam novel *Imam*. Watak utama, telah diterapkan dengan konsep insan Khalifah dan insan Rabbani. Konsep insan Khalifah dan insan Rabbani yang digarap oleh pengkarya dalam novel ini mampu meninggalkan kesan yang positif kepada khalayak dan seterusnya dapat membantu kepada pembentukan dan pembangunan modal insan kepada diri khalayak dan masyarakat. Sifat-sifat murni insan Khalifah dan insan Rabbani yang dipaparkan dapat memberi sumbangan ke arah menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat melalui pemaparan peristiwa-peristiwa dalam novel. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada khalayak tentang peri pentingnya asas keagamaan dalam kehidupan seharian.

Novel *Imam* dihasilkan berdasarkan pembacaan berbagai-bagai buku agama dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Novel ini dihasilkan berdasarkan penyelidikan yang gigih dan melibatkan proses penimbaan ilmu yang mendalam. Oleh sebab itu, novel ini sarat dengan pengajaran, nilai-nilai murni dan berunsur didaktik yang sekiranya dihayati pasti dapat membangunkan modal insan dalam kalangan generasi muda. Setiap permasalahan yang timbul dalam masyarakat, telah diselesaikan dengan cara yang terbaik dan berlandaskan ajaran Islam. Oleh demikian, novel ini amat wajar diangkat dan dijadikan sebagai bahan bacaan umum serta patut dijadikan sebagai salah sebuah teks sastera di sekolah pada peringkat menengah atas dalam usaha membentuk memupuk nilai-nilai murni serta melahirkan modal insan dalam kalangan pelajar demi melahirkan masyarakat yang memiliki nilai-nilai positif dalam kehidupan.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abang Mohd. Razif Abang Muis. (2015). *Pembangunan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi Awang. (2007). *Beriman kepada Rasul*. Batu Caves: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

- Abdul Halim Ali. (2006). *Iktisar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Abdullah Hussain. (1995). *Imam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah, I. R., & Ali, A. H. (1). Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 46 - 85. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/27>
- Abdullah, S. F. L., & Bahaman, B. (1). Sulalatus Salatun Sebagai Medium Mendidik Nilai Murni. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 213 - 232. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/54>
- Ahmad Kamal Abdullah. (1988). *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Yani Abdul Manaf. (2014). *Al-Quran Al-Karim Terjemaham & Tajwid Berwarna*. (Ed). Multazam Al-Qur'an Tafsir Bil Hadis. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Din, G., & Ali, A. (2020). Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/5>
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Kamariah Kamarudin (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lenny Luat. (2015). *Pengurusan Insan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin bin Haji Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Sarji, K. E., & Kamarudin, K. (1). Nilai Islam Dalam Teks Misa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 101 - 125. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/50>
- Muhammad Zuhaili Saiman. (2012). *Akidah Akhir Zaman Fenomena Semasa dan Implikasi Jenayah Murtad*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Samsina Haji Abdul Rahman. (2001). Teori Takmilah dalam Puisi-puisi Malaysia. *Dewan Sastera*. (Hlm 17-23).
- Shafie Abu Bakar. (1995). Sastera sebagai Media Dakwah dalam *Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru: Satu Himpunan Makalah*. (disunting oleh Hanapi Dollah dan Lokman Mohd Zen). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1995). Takmilah: Teori Sastera Islam dalam *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*. (Diselenggara oleh S. Jaafar Husin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (1996). Seni dan Sastera dari Perspektif Islam. *Seminar Tasawwur Islam Peringkat Kebangsaan*. Institut Teknologi Mara: Shah Alam.
- Sidek Baba. (2010). *Remaja Islam Kembali pada Pemikiran Al-Quran & Sunah*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Talib Samat. (2013). `Perbandingan Novel Popular Dengan Novel Serious`. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 1(1), 214-228
- Wan Norhasniah Haji Wan Husin. (2010). Budi-Islam sebagai Teras Pembinaan Identiti Melayu: Satu Analisis Mengikut Perspektif Peradaban. *PERSPEKTIF – Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Jil. 2 Bil. 2* (Hlm 35-50). Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak.